

**PM Yakin Malaysia Akan Jadi Hab Industri Lokomotif Rantau Asia  
Bernama  
9 April, 2013**

BATU GAJAH, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak yakin Malaysia boleh menjadi hab industri lokomotif rantau Asia dengan pembukaan kilang lokomotif dan gerabak di sini di bawah projek pembangunan kejuruteraan dan teknologi maju rel Malaysia.

Kilang yang dibuka syarikat Kumpulan CSR dari China itu menjanjikan 800 peluang pekerjaan awal di bawah pelaburan fasa pertama sebanyak RM400 juta.

Perdana menteri berkata ia merangkumi pekerjaan di peringkat teknologi tinggi dalam industri lokomotif dan kereta api yang memberi peluang kepada pekerja menimba pengalaman dan kemungkinan mencari peluang pekerjaan di peringkat antarabangsa.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada CSR Group kerana menjadikan ini pelaburan yang strategik. Saya yakin anda boleh menjadikan kawasan ini sebagai hab industri lokomotif di rantau ini. Saya harap anda boleh membantu kami merealisasikan wawasan ini," katanya sebelum merasmikan majlis pecah tanah projek untuk membangunkan kemudahan membina lokomotif dan kereta api di Kompleks KTMB di sini Selasa.

Najib berkata pelaburan projek ini juga berpunca daripada dasar transformasi nasional serta perancangan yang jitu lagi sistematik yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) selama ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940614>